

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93**

Oktober/November 1992

HMT 301 Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Jawab LIMA [5] soalan.
 - Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
 - Tulis nombor 1 hingga 7 pada muka surat hadapan kertas jawapan. Pangkah nombor soalan yang tidak anda jawab.
 - Jawapan mestilah ringkas, tepat dan analitikal.
 - Di samping isi, penggunaan bahasa Melayu Tinggi diutamakan.

1. Musa bin Daia (1974: 14) mengutip teori R. Brandstetter mengatakan bahawa bahasa Melayu pada mulanya terdiri daripada akar kata yang berasal daripada dua atau tiga bunyi iaitu Vokal-Konsonan (VK) atau Konsonan-Vokal-Konsonan (KVK).

Berdasarkan keterangan dan contoh ini, apakah beza akar kata dan kata dasar. Bagaimana pula kata dasar terbina daripada akar kata berdasarkan contoh yang dikemukakan di atas.

2. Asmah Hj. Omar (1980: 10) berpendapat bahawa menge+ tidak dapat dipertimbangkan sebagai alomorf dasar untuk me(N)+. Pandangan ini diperkuatkannya lagi di dalam kajiannya yang terbaru Bahasa Melayu Abad ke-16 : Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id al-Nasafi, 1991. Sila kemukakan pendapat anda.

.../2

3. Abdullah Hassan (1986: 58) berpendapat bahawa di dalam menerbitkan perkataan, kehadiran setiap lapisan pengimbuhan berlaku menurut aturan atau rentetan tertentu dan ini tidak berlaku sembarang. Berikan contoh perkataan yang bukan perkataan pinjaman yang terdiri daripada satu lapis, dua lapis, tiga lapis dan empat lapis. Setiap lapis sediakan lima [5] contoh.
4. Nik Safiah Karim et.al. (1989: 124) mengatakan apabila ter- bergabung dengan kata yang konsonan awalnya diikuti oleh -er- maka r di dalam awalan ter- tidak digugurkan. Namun begitu terdapat kecenderungan sesetengah penutur menggugurkan r di dalam pengucapan lisan, seperti: tersergam --> tesergam, terpercik --> tepercik, terseriah --> teserlah, terperdaya --> teperdaya, terpermanai --> tepermanai. Mengapakah hal ini berlaku?
5. Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (1989: 35) menyenaraikan 29 bentuk kata majmuk yang mengandungi dua kata dasar tetapi dieja sebagai satu perkataan termasuklah perkataan: olahraga, antarabangsa, warganegara, tandatangan dan dukacita. Sila kemukakan komen anda.
6. Kita cenderung untuk mengimbuhan met dengan Kata Dasar satu suku kata menjadi menget, seperti mengecat, mengebom dan mengetin. Bagaimanakah pengimbuhan seperti ini dapat membezakan kata terbitan: mengecam (cam, kecam), mengecap (cap, kecap), mengesahkan (sah, kesah), mengesak (sak, kesak) daripada dua kata dasar yang berbeza?
7. Kata terbitan pengebumian dan pengkebumian berasal daripada kata dasar dan pengimbuhan yang sama. Sila analisis pembinaan kedua-dua kata terbitan tersebut.

-ooooooo-